



SIARAN AKHBAR

DUIT SYILING KENANG-KENANGAN SEMPENA ULANG TAHUN KEMERDEKAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE-40

1. Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) ingin memaklumkan bahawa, sempena memperingati ulang tahun kemerdekaan Negara Brunei Darussalam ke-40, BDCB akan mengeluarkan duit syiling kenang-kenangan dalam bentuk emas, perak, dan kupronikel. Duit syiling kenang-kenangan ini adalah sah diperlakukan di Negara Brunei Darussalam. Keterangan lanjut duit syiling kenang-kenangan ini adalah seperti berikut:

Jenis	Emas	Perak	Kupronikel
Nilai Muka	B\$400	B\$40	B\$4
Komposisi	999.9 Emas	999 Perak	Kupronikel
Berat (gm)	31.10 gm	31.10 gm	28.00 gm
Ukuran (mm)	32.12 mm	40.70 mm	40.70 mm
Kualiti	Proof	Proof	Proof
Harga Jualan	B\$4,000.00	B\$250.00	B\$100.00

2. Jualan bagi duit syiling kenang-kenangan ini akan bermula pada hari Selasa, 27 Februari 2024. Orang ramai yang berminat untuk membeli duit syiling kenang-kenangan tersebut boleh mengunjungi:

BDCB Currency Gift Shop
Brunei Darussalam Central Bank
Tingkat 1, Bangunan BCMB
Kompleks Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi
Commonwealth Drive
Bandar Seri Begawan BB3910
Negara Brunei Darussalam

Waktu:

Hari	Waktu
Setiap Isnin hingga Khamis <i>*bermula Selasa, 27 Februari 2024</i>	8.30 pagi - 11.30 pagi
	2.00 petang - 4.30 petang
Jumaat	8.30 pagi - 11.00 pagi
	Tutup di sebelah petang

3. Maklumat lanjut boleh didapati di laman web BDCB www.bdcdb.gov.bn atau melalui akaun Instagram BDCB @centralbank.brunei.

Brunei Darussalam Central Bank

Tarikh: 12 Sya'ban 1445H/ 22 Februari 2024M

Rujukan: BDCB/COMMS/3